

# DBKL arah tutup 2 kedai makan kotor

**34 kompaun dikeluarkan dalam operasi di Bandar Baru Sri Petaling**

Oleh Azhar Shahrulnizam  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengeluarkan 34 kompaun serta menutup dua premis makanan di sepanjang Jalan Radin Anum, Radin Tengah dan Radin Bagus di Bandar Baru Sri Petaling di sini, selepas didapati tidak mematuhi standard ditetapkan.

DBKL dalam kenyataannya, berkata tindakan kompaun dan

menutup premis makanan itu dilakukan hasil daripada pemeriksaan ke atas 19 daripada 31 premis makanan di kawasan berkenaan.

“Tindakan diambil mengikut Seksyen 11, Akta Makanan 1983 dan 28(1) Undang-Undang Kecil Pelesenan Petempatan Makanan WPKL 2016.

“DBKL komited meneruskan pemantauan kerana ini membabitkan soal keselamatan dan kesihatan warga kota sebagai pelanggan,” katanya.

**Pekerja tiada suntikan tifoid**  
DBKL berkata, antara kesalahan dikesan adalah tiada lesen petempatan makanan, pekerja tiada suntikan tifoid dan menjalani kursus pengendali makanan, lantai dinding dapur kotor serta jubin rosak.



*Petugas Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar DBKL membuat pemeriksaan di sebuah premis makanan di Bandar Baru Sri Petaling. (Foto ihsan DBKL)*

“Selain itu, bahan makanan ditempatkan di atas lantai, tidak memasang dan menyelenggara alat perangkap minyak, penyediaan makanan di atas lantai dan di luar premis, serta terdapat hurungan makhluk perosak di

tempat makanan,” katanya.

DBKL turut mengingatkan kepada pemilik premis makanan faktor harga makanan mahal bukan sahaja penyebab kekurangan pelanggan tetapi premis tidak bersih juga antara penyebab utama.